

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
DXN INDUSTRIES (M) SDN BHD  
JITRA, KEDAH

OLEH

NORHAYATI BINTI AHMAD  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2005



Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalaninya latihan ini. Oleh itu, nama Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSIFM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DXN INDUSTRIES (M) SDN. BHD  
JITRA, KEDAH**

**DI SEDIAKAN OLEH:  
NORHAYATI BINTI AHMAD  
SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN)**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN  
KEPADA**

**JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI  
MALAYSIA  
(KUSTEM)**

**2005**

**1100045021**



## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **Norhayati Binti Ahmad (UK 7882)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

  
\_\_\_\_\_

**Nama: Norhayati Binti Ahmad**

**Tarikh: 30 NOVEMBER 2005**

**Disahkan Oleh:**

  
\_\_\_\_\_

**Penyelia KUSTEM : Tn. Hj. Abdul Manan Bin Ali**

**B/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

## ISI KANDUNGAN

<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
Penghargaan	ii
Prakata	iii
Senarai Gambarajah / Carta:	v
Ringkasan Eksekutif	vi

### **BAB 1 : LATAR BELAKANG ORGANISASI/ SYARIKAT**

1.1 Pengenalan DXN Industries	1
1.2 Maklumat Organisasi (yang Berkaitan)	6
1.3 Aktiviti Organisasi	13
1.4 Kemahiran yang ingin di pelajari	14

### **BAB 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN**

<b>2.1 Sistem Teknik Pengeluaran Kopi</b>	<b>15</b>
2.1.1 Mengesan sistem sedia ada	15
2.1.2 Mengenal pasti masalah	27
2.1.3 Cadangan penyelesaian	30
2.1.4 Pelaksanaan cadangan dan implikasi	34

<b>2.2</b>	<b>Sistem Kawalan Batch Nombor</b>	<b>37</b>
2.2.1	Mengesan sistem sedia ada	37
2.2.2	Mengenal pasti masalah	38
2.2.3	Cadangan penyelesaian	40
2.2.4	Pelaksanaan cadangan dan implikasi	41
<b>2.3</b>	<b>Sistem Perancangan Pengeluaran dan Kawalan</b>	<b>42</b>
2.3.1	Mengesan sistem sedia ada	42
2.3.2	Mengenal pasti masalah	48
2.3.3	Cadangan Penyelesaian	50
2.3.4	Pelaksanaan cadangan dan implikasi	51
<b>BAB 3</b>	<b>: RUMUSAN</b>	<b>52</b>
	<b>RUJUKAN</b>	<b>55</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>56</b>

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Illahi dengan limpah dan rahmat- Nya dapat melatih menyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri ini. Dengan penuh izin- Nya jua dapat melatih menghabiskan tempoh latihan selama 12 minggu dengan jayanya.

Pertama sekali pelatih ingin mengucapkan setinggi - tinggi jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) terutamanya kepada pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) dan semua urusetia Latihan Industri yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas kesanggupan mereka menguruskan penempatan pelatih di organisasi dan urusan lain untuk menjayakan pelatih sepanjang tempoh latihan tersebut.

Seterusnya tak di lupakan juga kepada kedua ibu bapa serta keluarga yang memberikan sepenuh sokongan padu kepada pelatih sepanjang pengajian di Kustem dan sepanjang pelatih menjalani latihan industri ini.

Ucapan terima kasih juga di tujukan kepada pihak DXN Industries (M) Sdn. Bhd. terutamanya kepada Jabatan Pengeluaran Kopi di atas kerjasama yang telah dihulurkan sepanjang pelatih menjalani latihan tersebut. Sepenuh hati juga ucapan terima kasih kepada Penyelia Industri iaitu Ms. Lim Ai Ping di atas jasa dan sumbangan beliau dalam menjayakan latihan industri ini.



## PRAKATA

Latihan Industri merupakan aspek yang penting dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi di KUSTEM. Ia adalah satu kursus wajib yang diwujudkan bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan pengalaman dan situasi sebenar di alam pekerjaan serta kemahiran separa profesional industri yang berkaitan dengan program yang diambil dalam tempoh 12 minggu bermula 20 Mac 2005 sehingga 12 Jun 2005.

Melalui Latihan Industri ini, para pelajar akan ditempatkan di beberapa buah agensi samada sektor awam ataupun swasta di mana pelatih akan diberikan pendedahan secukupnya tentang realiti sebenar alam pekerjaan dan penglibatan secara langsung terhadap sesebuah bidang. Bagi memenuhi kursus PGN 4799 ini, pelatih telah memilih sebuah organisasi swasta yang melibatkan diri dalam bidang MLM iaitu DXN Industries (M) Sdn. Bhd. iaitu salah sebuah anak syarikat DXN Holding Berhad bertempat di Jitra, Kedah.

DXN Industries (M) Sdn. Bhd. merupakan syarikat yang bertanggungjawab menghasilkan produk makanan kesihatan berasaskan ekstrak Ganoderma terutamanya produk minuman kopi dan produk penjagaan kesihatan yang lain. Sepanjang tempoh 3 bulan menjalani Latihan Industri di DXN, pelatih telah diberi tunjuk ajar bagaimana untuk melaksanakan tugas dan projek untuk diselesaikan.

Sepanjang tempoh tersebut, pelatih telah didedahkan dengan suasana pengeluaran kopi dan di beri tunjuk ajar dengan pendekatan yang efisien supaya segala tugas yang diberi dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan rasa bertanggungjawab. Antara aktiviti yang di laksanakan ialah penyampaian oleh penyelia tentang tugas yang perlu untuk kajian terhadap permasalahan dalam bahagian pengeluaran dan penyelia melakukan pemantauan dari masa ke semasa. Pelatih diberikan kepercayaan terhadap tugas yang diberikan dengan mengaplikasikan apa yang dipelajari semasa di kuliah.

Pelatih telah mengenal pasti beberapa sistem sedia ada yang terdapat dalam Jabatan Pengeluaran Kopi iaitu sistem penghasilan kopi, sistem kawalan Batch Nombor dan sistem perancangan pengeluaran dan kawalan. Pelatih telah mengenal pasti beberapa kelemahan yang timbul di dalam jabatan tersebut dan telah mengusulkan beberapa cadangan yang diharapkan berguna sebagai jalan keluar bagi permasalahan yang timbul.

## SENARAI GAMBARAJAH DAN JADUAL

### Muka Surat

#### Senarai Rajah

Rajah 1	10
Rajah 2	12
Rajah 3.1	22
Rajah 3.2	23
Rajah 3.3	24
Rajah 4	25
Rajah 5	26
Rajah 6	47

#### Senarai Jadual:

Jadual 1	21
Jadual 2	31
Jadual 3	46

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan ini di tulis adalah untuk menerangkan apa yang telah dipelajari dan dipraktikkan dengan mengaplikasikan teori di bilik kuliah dengan situasi sebenar di sesebuah organisasi. Selain itu ia bermatlamat untuk mempelajari sistem sedia yang terdapat di sesebuah organisasi , mengkaji permasalahan yang berlaku di tapak industri. Oleh itu pelatih mendapat sedikit pengalaman sebelum menjejaki ke alam sebenar lapangan pekerjaan.

Di dalam laporan ini terdapat tiga bab penting yang telah pelatih temui semasa menjalani latihan industri di DXN Industries (M) Sdn. Bhd. Di dalam bab pertama diterangkan tentang latar belakang organisasi yang merangkumi sejarah penubuhan, bila ditubuhkan, pemilikan serta pendekatan –pendekatan yang di ambil dalam memajukan syarikat. DXN Industries (M) Sdn. Bhd. merupakan sebuah anak syarikat milik penuh DXN Holding Berhad yang terletak di Kg. Padang Panjang, Jitra Kedah. Selain daripada DXN Industries, DXN Holding juga memiliki anak syarikat lain di Malaysia antaranya ialah DXN Marketing, DXN Pharmaceutical, DXN Plantation dan DXN Farm serta memiliki lebih 25 buah cawangan di seluruh negara. Pelatih telah ditempatkan di DXN Industries (M) Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab menghasilkan produk minuman dan barang keperluan yang lain.

Bab kedua pula menerangkan sistem sedia ada, mengenalpasti masalah yang terdapat di Jabatan Pengeluaran Kopi iaitu sistem teknik pengeluaran kopi, sistem kawalan batch nombor dan sistem perancangan dan kawalan. Masalah yang dikesani dikenalpasti dan menjejaskan keupayaan pengeluaran. Seterusnya pelatih telah mengemukakan cadangan penyelesaian bagi mengatasi masalah tersebut. Bab ketiga iaitu penutup yang menjelaskan lakaran pengharapan kepada pendekatan yang diambil oleh pelatih untuk mengatasi masalah yang timbul.

Sepanjang latihan industri, pelatih menggunakan beberapa pendekatan untuk mengetahui sistem - sistem sedia ada, permasalahan dan punca masalah terutamanya di bahagian pengeluaran iaitu sistem teknik pengeluaran kopi, Sistem kawalan batch nombor, dan sistem perancangan pengeluaran dan kawalan seperti :

1. Membuat analisis daripada sumber- sumber tertentu dan premier
2. Bertanya kepada pihak kakitangan

### 3. Menjalankan pemerhatian dan perbandingan situasi

Justeru, penemuan beberapa masalah yang berbangkit dan cadangan penyelesaian diharapkan berguna dan menjadi panduan kepada pihak organisasi bagi meningkatkan kecekapan produktiviti. Akhir kata, penerangan dalam laporan ini diharapkan akan menjadi panduan kepada individu yang terlibat.